UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : OGOS / 6 / 2026
M/S : 19

Sembilan lagi kawasan lapang KL diwartakan

Langkah bagi tambah perlindungan ruang hijau ibu negara

Kerajaan terus memperkukuh perlindungan ruang hijau di ibu negara.
(Foto ihsan FB Hannah Yeoh)

Kuala Lumpur: Kerajaan terus memperkukuh perlindungan ruang hijau di ibu negara menerusi pewartaan sembilan lagi kawasan lapang sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan pembangunan bandar dilaksanakan secara seimbang tanpa mengorbankan kawasan rekreasi awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Hannah Yeoh berkata pewartaan baharu itu dilaksanakan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, membabitkan keluasan keseluruhan 5.15 hektar atau 51,502 meter persegi.

Beliau berkata, dengan pertambahan itu, sebanyak 552 lot kawasan lapang kini diwartakan di Kuala Lumpur, meliputi keluasan keseluruhan 468.36 hektar atau 4.68 juta meter persegi, bersamaan kira-kira 655 padang bola sepak atau hampir 1.4 kali ganda keluasan Taman Botani Perdana.

"Pewartaan bukan sekadar proses pentadbiran. Langkah ini memperkukuh perlindungan terhadap kawasan lapang supaya terus kekal sebagai ruang awam untuk aktiviti rekreasi, riadah dan kegunaan komuniti, selain mengurangkan risiko kawasan berkenaan terdedah kepada penukaran guna tanah pada masa hadapan," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Persekitaran lebih hijau

Hannah berkata, setiap kawasan diwartakan bermaksud lebih banyak ruang untuk kanak-kanak bermain, keluarga beriadah, warga emas bersenam dan komuniti menikmati persekitaran bandar yang lebih hijau, sihat dan selesa.

Katanya, orang ramai boleh menyemak maklumat dan senarai kawasan lapang diwartakan menerusi portal MyHijau di laman sesawang rasmi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bagi membolehkan warga Kuala Lumpur memantau dan mempertahankan kawasan hijau di bandar raya itu.

"Pewartaan itu membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI memastikan pembangunan Kuala Lumpur dilaksanakan secara seimbang, tanpa mengorbankan ruang rekreasi awam, kesejahteraan komuniti dan daya tahan iklim bandar," katanya. BERNAMA

9 kawasan lapang baharu diwartakan

- Lot 82448 Mukim Batu, berhampiran Kolam Desa ParkCity (6,607 meter persegi)
- Lot 82443 Mukim Batu, berhampiran Kolam Desa ParkCity (22,000 meter persegi)
- Lot 202030 Mukim Setapak, berhampiran Kondominium Bayu Sentul (13,882 meter persegi)
- Lot 38500 Mukim Petaling, berhampiran Residensi Jalil Mas (529 meter persegi)
- Lot 25119 Mukim Setapak, berhampiran Masjid Salahuddin Al-Ayubbi, Taman Melati (1,456 meter persegi)
- Lot 39399 Mukim Petaling, berhampiran Kondominium East Bukit Jalil (1,658 meter persegi)
- Lot 39397 Mukim Petaling, berhampiran Kondominium East Bukit Jalil (185 meter persegi)
- Lot 56219 Mukim Batu, berhampiran United Point Mall (3,679 meter persegi)
- Lot 482950 Mukim Kuala Lumpur, berhampiran Padang TURF Tasik Permaisuri (1,505 meter persegi)

Infografik BH